

**Q & A SOALAN LAZIM PENGAGIHAN BANTUAN "ONE OFF"  
(RM 300) COVID 19 KEPADA PENJAJA & PENIAGA KECIL  
MAJLIS BANDARAYA IPOH**

S1: Bagaimana cara memohon Bantuan "One Off" RM 300 Covid 19 MBI?

**J: Permohonan hendaklah di kemukakan secara online di pautan <https://www.mbi.gov.my/perniagaan/bantuan-one-penjaja-dan-peniaga-kecil> melalui Portal MBI**

S2: Apakah kriteria yang diperlukan untuk memohon bantuan ini?

**J : Kriteria pemohon adalah Semua Penjaja Dan Peniaga Kecil termasuk Peniaga Pasar Awam yang berlesen di bawah Majlis Bandaraya Ipoh dan lesen adalah aktif. Pelesen yang layak adalah yang berlesen dengan MBI setakat Jun 2021.**

S3: Adakah pemohon boleh "walkin" atau datang ke pejabat MBI untuk menghantar permohonan ?

**J: Tidak, pemohon tidak di benarkan membuat permohonan melalui "walkin" atau datang ke pejabat MBI. Sebarang permohonan melalui kaedah ini TIDAK AKAN DILAYAN.**

S4: Tempoh permohonan boleh dibuka?

**J: Permohonan dibuka mulai 7 Ogos 2021 (Sabtu) sehingga Tarikh akhir permohonan adalah pada 30 September 2021.**

S5: Apakah dokumen yang diperlukan untuk memohon?

**J: Dokumen yang diperlukan adalah Kad Pengenalan dan Penyata Bank atau Buku Bank. Dokumen hendaklah dimuat naik semasa mengisi borang permohonan.**

- ✓ **PEMOHON BERTANGGUNGJAWAB MUAT NAIK DOKUMEN BUKU BANK/PENYATA BANK YANG LENGKAP, BETUL, JELAS, TERKINI, VALID, AKTIF, BUKAN MILIK INDIVIDU LAIN, BUKAN MILIK SYARIKAT & ADALAH MILIK PEMEGANG LESEN SENDIRI.**
- ✓ **BAGI DOKUMEN KAD PENGENALAN PEMOHON HENDAKLAH MUAT NAIK K/P YANG LENGKAP, BETUL, JELAS, BUKAN MILIK INDIVIDU LAIN DAN MILIK PEMEGANG LESEN SENDIRI.**
- ✓ **TIDAK PERLU MUAT NAIK LESEN PERNIAGAAN DAN GAMBAR ATAU LAIN-LAIN DOKUMEN SELAIN DARIPADA KAD PENGENALAN DAN PENYATA/BUKU BANK.**

S6: Adakah memuatnaik dokumen KP dan Penyata Bank/ Buku Bank adalah kemestian?

**J: Ya, sekiranya pemohon gagal untuk memuatnaik dokumen KP dan Penyata Bank/ Buku Bank yang lengkap, betul, jelas, terkini, valid, aktif, bukan milik individu lain, bukan milik syarikat dan adalah milik pemegang lesen sendiri akan menyebabkan proses kemasukan duit ke dalam bank anda menjadi rumit dan mengambil masa yang lama.**

S7: Berapa lamakah proses kemasukan duit kedalam akaun pemohon?

**J: Permohonan yang lengkap akan menerima duit dalam masa 5 hari bekerja, sekiranya permohonan dan dokumen yang dikemukakan tidak lengkap, ini akan menyukarkan proses penyaluran duit ke akaun penerima dan mengambil masa yang lebih lama.**

S8: Adakah nombor telefon yang boleh dihubungi untuk sebarang pertanyaan ?

**J: Hotlink adalah 05-2058047**

S9: Adakah perlu memuatnaik Lesen Perniagaan?

**J: Tidak perlu, hanya KP dan Buku bank / penyata Bank sahaja yang perlu di muatnaik.**

S10: Adakah pemegang Permit Penjaja Sementara layak memohon?

**J: Pemegang Permit Penjaja Sementara yang di keluarkan Permit setakat Jun 2021 sahaja yang layak memohon.**

S11: Adakah maklumat email pemohon diperlukan?

**J: Tidak diperlukan , tetapi jika pemohon mempunyai alamat email, tiada masalah untuk dikemukakan.**

S12: Adakah maklumat nombor telefon diperlukan?

**J: Maklumat telefon hendaklah dinyatakan dan hendaklah terbaru dan aktif.**